

Headline	Ismail Kassan terap ilmu dalam karya		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	22 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	7	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hafizah Iszahanid	AdValue	RM 9,257
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,771



# Ismail Kassan terap ilmu dalam karya

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

**Pengarang** yang baik adalah mereka yang banyak membaca selain ilmu daripada pembacaan itu akan terserlah dalam karya dan antara yang termasuk dalam kelompok ini ialah Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2012, Ismail Kassan.

Pensyarah Sastera, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Abdul Rahman Napiah memperakukan perkara terbabit pada Wacana Sastera: Bicara Tokoh Ismail Kassan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ismail antara 25 orang penulis drama tanah air abad ke-20, bermula dengan karya romantisisme sebelum beralih kepada realisme, tetapi aliran penulisan tidak mengekang pengarang itu meneroka yang lain kerana beliau menulis mengikut apa yang digemarinya.

"Kita boleh menemui falsafah tradisi dan keislaman yang banyak dalam karya Ismail dengan bahan dan pemikirannya tertumpu pada ideologi dan falsafah, selain banyak menghasilkan karya berunsur sejarah. Gaya bahasanya bombastik, tetapi bersesuaian dengan teks," katanya ketika membincangkan Permata Sastera Melayu pada program yang dipengerusikan Pensyarah Jabatan Penulisan Kreatif, Akademi Seni, Budaya dan Warisan

Kebangsaan (ASWARA), Abdul Rahim Abdullah.

Dr Abdul Rahman yang lebih dikenali sebagai Mana Sikana berkata, interteks dan parodi adalah ciri khas teks Ismail dengan kemampuannya memparodikan kenyataan hidup daripada peristiwa yang kontekstual, menyentuh politik, falsafah dan budaya Melayu.

"Sekitar 1970-an, teater subur di universiti dan ketika itu, Universiti Malaya (UM) memiliki Dinsman dan Johan Jaafar (kini datuk). Universiti Sains Malaysia (USM) pula ada Prof Dr Hatta Azad Khan, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ada Ismail Kassan.

"Berbeza dengan penulis lain dalam genre serupa, perlu diakui kekuatan skrip olahan Ismail adalah dari segi struktur dan teknik kepengarangannya. Karya Ismail juga dianggap pengkritik sastera sebagai mendahului zaman," katanya.

## Diperakukan pengarang

Khalayak diberitahu, Ismail mengakui perkara terbabit hingakan Ismail ketika mentaskan *Menanti Puteri Hijau*, berhadapan dengan pertanyaan daripada pihak polis berikutan situasi politik akhir 1990-an yang goyang.

Pensyarah Jabatan Penulisan Kreatif ASWARA, Nasir

Razali pula, memperakukan Ismail sebagai sebagai pengarang yang digambarkan bahasa dan struktur ayat yang digunakan dalam karyanya, ketika berkongsi *Mitos Pengarang dalam Menanti Puteri Hijau*.

Ismail juga didakwa berani memaparkan benda baru dan mendahului zamannya, iaitu 1970-an dan lari daripada konsep tradisional kepengarangan semasa dengan menongkah arus seperti diperlihatkan dalam kebanyakan isu yang diangkat dalam karya.

"Karyanya kekal relevan dan antaranya dapat dilihat dalam *Gelanggang Tok Wali* dan *Sabda Sang Pendeta* yang memperkatakan tentang Melayu. Karya yang memperlihatkan kebingungan orang Melayu hilang jati diri kini menjadi kenyataan," katanya.



Mana Sikana

Ismail juga dilihat menghasilkan karya berunsur Islam pada usia muda dan bukan seperti sebahagian besar pengarang yang cenderung ke arah itu pada usia 40-an, selain karyanya ada yang bersifat parodi.

Nasir melihat *Menanti Puteri Hijau* mempunyai pengaruh *Waiting For Godot* karya Samuel Becket dan perkara itu diakui Ismail

"Dalam *Menanti Puteri Hijau*, apa yang hendak disampaikan adalah tentang kesabaran dan kejujuran dalam kehidupan. Jika *Waiting For Godot* disifatkan oleh sarjana sebagai antiagama dan tidak mempercayai tuhan, tetapi *Menanti Puteri Hijau* sebaliknya," katanya.

Headline	Ismail Kassan terap ilmu dalam karya		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	22 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	7	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hafizah Iszahanid	AdValue	RM 9,257
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,771

